

Surat Berita Khutbah
Tema: Mesej inklusif Injil.
Teks: Kisah 8:26-40



Sinopsis:

Malaikat Allah menghantar Filipus untuk pergi ke jalan di padang gurun di selatan Yerusalem untuk bertemu dengan Seorang sida-sida dari Ethopia. Filipus mengembara bersama-sama dengan sida-sida ini, menjelaskan tentang maksud yang terdapat di dalam kitab orang Yahudi sebagai cara untuk memperkenalkan sida-sida tersebut kepada Berita Baik tentang Yesus Kristus. Sida- sida itu menjawab dan mahu dibaptis. Selepas Filipus membaptis dia, Filipus kemudiannya segera dihantar oleh Roh Kudus ke daerah yang lain.

Latar belakang:

Tujuh bab yang pertama di dalam Kisah Para Rasul ini menjelaskan tentang permulaan gereja di Yerusalem. Mana kala cerita tentang Pentakosta adalah mengenai orang-orang yang tinggal di seluruh pelosok negeri hadir pada hari tersebut yang merupakan aktiviti gereja-gereja awal bertempat di Yerusalem. Peristiwa itu sebelum Stefanus ditangkap dan direjam dengan batu di bab 7, bab yang ke 8 pula bermula dengan penganiayaan yang berlaku di Yerusalem. Kisah Para Rasul 8:1 menjelaskan kepada kita bahawa semua orang, kecuali para rasul terpaksa melarikan diri ke seluruh daerah Yudea dan Samaria.

Filipus pergi ke kota Samaria dan mula mengajar. Namun, harus diingat juga bahawa orang Samaria dan Yahudi mengalami pertentangan mengenai cara penyembahan yang betul. Orang Samaria mempunyai bait Allah di atas gunung Gerazim yang mereka gunakan untuk penyembahan dan tidak menggunakan bait Allah di Yerusalem. Menurut peraturan orang-orang Yahudi menolak cara penyembahan orang-orang Samaria dan mendakwa bahawa cara yang mereka gunakan itu tidak sesuai, dan orang-orang Samaria dianggap oleh orang-orang Yahudi sebagai “separuh-Yahudi” dan “berbilang bangsa.” Ini mengingatkan kita tentang perbualan Yesus dan orang Samaria itu. Di dalam Lukas 10, Yesus menceritakan mengenai perumpamaan tentang orang Samaria yang baik hati, di mana ciri-ciri yang ada pada orang Samaria itu adalah salah satu sifat yang didakwa oleh orang-orang Yahudi sebagai tidak baik dan tidak mengambil berat tetapi berubah kepada salah satu contoh penjelmaan kepada Kerajaan Allah: manakala di dalam Yohanes 4 Yesus bertemu dengan seorang perempuan Samaria dan memberitahu dia bahawa masanya akan tiba sama ada bait Allah di Gunung Gerazim atau pun bait Allah di Yerusalem yang akan digunakan sebagai tempat untuk penyembahan, tetapi penyembahan melalui Roh Kudus akan terjadi di dalam roh kebenaran.

Oleh sebab itulah, kita lihat bagaimana Yesus bersikap lebih terbuka kepada pekerjaan Allah yang mengatasi segala halangan yang memberikan keselesaan kepada orang-orang Yahudi dan sekarang ditunjukkan kepada gereja awal yang dipilih untuk menjadikan ia sebagai satu amalan.

Pendedahan awal tentang hal ini ke atas agama-agama yang dianggap selesai dan berlandaskan etnik memberikan satu kesan yang mendalam di dalam gereja-gereja. Kisah Para Rasul 6:1 mengenalpasti pembahagian di antara pengamal Helenistik dan Ibrani di dalam gereja. Kedua-dua kumpulan ini merupakan orang Kristian Yahudi. Walau bagaimanapun, Golongan Helenistik berkomunikasi dalam bahasa Yunani dan mengamalkan budaya Yunani, manakala Ibrani pula adalah lebih cenderung kepada bahasa Aram. Kisah Para Rasul tidak menjelaskan secara terperinci tentang ini tetapi ia seperti ada isu yang bukan hanya menyentuh tentang sosial dan perbezaan budaya, tetapi juga menyentuh tentang perbezaan di dalam pendekatan dari amalan budaya yang berkaitan dengan keagamaan. Sekali lagi, ia tidak dijelaskan tentang hal ini secara terperinci tetapi sejak awal lagi sudah wujud ketegangan di dalam komuniti Kristian tentang ketatnya peraturan untuk dipatuhi di dalam agama Ibrani budaya, dan amalan-amalan sosial untuk menjadi sebahagian daripada komuniti Kristian.

Disebabkan hal ini yang berlaku dalam konteks masa itulah yang menyebabkan Filipus dihantar pergi ke Samaria terlebih dahulu dan selepas itu dihantar untuk bertemu dengan sida-sida yang berasal dari Euthopia.

Hukum di dalam teks:

Ketika pelayanan Filipus mula bertumbuh di Samaria, para rasul di Yerusaleem menghantar Petrus dan Yohanes untuk meninjau apa yang berlaku dan mengesahkan apa yang berlaku. Mereka melakukannya. Tetapi sebelum itu malaikat Allah menghantar Filipus ke sebuah laluan menuju ke Gaza. Di sepanjang jalan tersebut, ia bertembung dengan sida-sida dari Ethiopia. Sida-sida tersebut baru sahaja pulang selepas melawat Yerusaleem, di mana dia beribadah. Berkemungkinan ini bermaksud dia telah pergi ke rumah ibadah. Namun dia tidak dibenarkan untuk beribadah di dalam rumah ibadah itu. Orang-orang bukan Yahudi hanya dibenarkan beribadah di bahagian luar rumah ibadah tersebut. Jika dia meminta lebih daripada itu, keadaan fizikal sebagai seorang sida-sida membuatkan dia tidak layak untuk berada di rumah ibadah tersebut, berdasarkan kepada Ulangan 23:1.

Disebabkan hal seperti ini berlaku, ketika pada awalnya komuniti Kristian terlalu tertumpu kepada komuniti Yahudi di sekitar Yerusaleem, sekarang Filipus mula berhadapan dengan orang-orang yang dihalang untuk terlibat dalam amalan-amalan di rumah ibadah. Peraturan mengenai ibadah siapa yang tidak bersih tidak layak untuk orang-orang daripada berbeza etnik, budaya, dan keadaan fizikal mereka. Peraturan-peraturan ini telah digunapakai untuk mengasingkan orang-orang dan beberapa yang dinamakan – mungkin juga ramai – orang-orang yang berada di luar perhatian Allah.

Disebabkan oleh beberapa amalan ini yang menghalang orang-orang seperti ini, ramai yang dahagakan Allah telah dipatahkan dan disangkal. Namun demikian, sida-sida tersebut tidak pernah berputus asa untuk mencari Allah selepas sahaja pergi ke Yerusaleem. Malah, dia telah membaca teks tentang penderitaan seorang hamba daripada nabi Yesaya (Yes. 53:7-8). Namun melalui pembacaannya, dia keliru. Dia tidak dapat mentafsirkan maksud petikan ayat tersebut. Kita dapat melihat di sini bahawa dengan hanya membaca petikan teks sendiri tidak

mencukupi. Kita tidak akan mendapat pengetahuan daripada firman Allah dengan hanya bersandar pada iman melalui usaha kita sendiri. Malah sida-sida itu menjawab, “ bagaimana saya boleh faham, jika tidak ada orang yang menerangkannya?” Melalui jawapan Filipus, dia dapat menghubungkan kaitkan petikan teks Yesaya kepada Yesus dan menjelaskan tentang Berita Baik tentang Kristus kepada dia.

Di dalam konteks ini apabila sida-sida ini berhadapan dengan satu halangan untuk iman selepas hal yang lain dengan mendengar soalnya. “apa yang menghalang saya daripada dibaptis?” usahanya untuk mengenal Allah berterusan mengecewakan. Aplikasi yang tegas tentang hukum Allah bermaksud berterusan menghalangnya untuk mendekati Allah - dan sedikit sebanyak menyebabkan dia malu pada diri sendiri dan juga mengaibkannya. Dalam erti kata lain, usaha manusia untuk mendekati Allah dan untuk mengawal Allah berlaku di sepanjang kehidupannya untuk menyekat dia diterima Allah.

Injil di dalam teks:

Penceritaan mengenai gereja-gereja awal adalah permulaan bagi cabaran untuk sesebuah komuniti kecil di dalam membawa kepada keselamatan yang kekal dengan batasan yang kuat. Namun, sebelum hal-hal seperti ini berlaku, Roh Kudus yang menggerakkan sesebuah gereja, terutamanya melalui pimpinan Stefanus dan Filipus. Melalui penelitian, kita dapat melihat bagaimana Filipus dipanggil untuk melangkaui sempadan untuk membawa masuk golongan yang tidak dibenarkan mengikuti amalan-amalan di dalam bait Allah. Sempadan yang ditetapkan untuk menjadi bersih atau tidak bersih tidak menghalang gerakan Roh Kudus. Keadaan fizikal sida-sida tersebut bukanlah penghalang untuk Roh Kudus bekerja, ataupun etikanya, budaya atau latar belakang agama. dalam masa yang sama, etnik dan latar belakang agama orang Samaria itu tidak memberikan apa-apa kesan kepada kebaikan Allah.



Namun, bukan sekadar kasih kurnia Allah yang melangkaui sempadan yang manusia tetapkan bagi Allah bertindak. Lebih daripada itu, melalui Roh Kudus, murid-murid Kristus dihantar untuk melepasi halangan tersebut. Philip digerakkan oleh Roh Kudus untuk menjangkau orang-orang yang dianggap oleh beberapa orang dalam gereja sebagai tidak layak untuk dimasukkan. Panggilan Filipus adalah untuk mengalu-alukan kedatangan orang-orang asing, perantau, dan orang-orang yang berbeza secara etnik, budaya dan linguistik untuk mengalami sendiri kasih Allah.

Tidak ada tuntutan untuk mengamalkan agama orang Yahudi, untuk disunat, atau menjadikan diri mereka diterima oleh piawai agama masyarakat gereja pada masa itu. Malah Filipus dengan mudah memberitahu mereka mengenai Yesus dan mengundang mereka untuk beriman. Tindakan Filipus itu adalah kerana dia dipanggil dan kerana pekerjaan Roh Kudus. Pekerjaan Allah mengenai kasih adalah satu bentuk penerimaan. Ia melangkaui sempadan yang bagi manusia itu adalah mustahil.

Memberitakan kebenaran tentang Kristus juga adalah sebahagian daripada kasih kurnia Allah. Ia dilakukan dengan pembacaan petikan teks Alkitab dengan pandangan yang baru dengan lebih khusus. Di dalam kita mengenal Allah melalui Kristus dan Roh Kudus, sesuatu yang baru dan bermakna dapat dijumpai di dalam petikan teks. Namun begitu, kita tidak dapat melihatnya sendiri. Kita haruslah dibimbing; yang pastinya oleh Roh Kudus, tetapi kita juga harus dibimbing oleh orang lain. Iman dan keterujaan orang lain dapat membantu di dalam membentuk pemahaman kita terhadap Injil, dan kita dapat berkongsi penemuan kita bersama Kristus dengan orang lain untuk membantu mereka melihat kasih Kristus.

Perubahan di dalam Teks:

Ketika Allah memperlihatkan kasih yang kita kenal di dalam Kristus, Allah juga memberitahu tentang maksud iman yang kukuh. Kita melihatnya beberapa kali di dalam teks ini. Ketika sida-sida bergumul dengan keperluan agamanya, Roh Kudus telah membawa Filipus kepadanya untuk membimbing dia. Allah tidak meninggalkan sida-sida itu bersendirian di dalam pergumulan rohaninya, tetapi sebaliknya memberikan dia peluang untuk mendengarkan firman. Ketika dia mendengarkannya, imannya dibangkitkan, Allah telah menyediakannya asas untuk imannya. Ketika mereka mengembara, mereka menjumpai tempat yang ada air. Oleh itu, sida-sida itu diberikan alasan yang diperlukan untuk meminta dibaptiskan. Dengan Roh Kudus yang menyediakan tanda-tanda transformasi yang kuat dan kesedaran tentang boleh diterima di hadapan Allah, bagaimanakah Philip dapat berdiri di jalan Allah bekerja? Baptisan ini mungkin tidak sesuai di dalam peraturan gereja yang mana boleh diterima atau sesuai, tetapi Roh Kudus dengan jelas bekerja untuk mengatasinya. Sida-sida itu sudah terlepas daripada pergumulan rohani dengan dihalang lalunya untuk datang ke hadapan Allah untuk bersukacita dan berada di dalam pelukan-Nya melalui pembaptisan.

Manakala Filipus, meneruskan panggilannya untuk menyebarkan Injil di tempat yang baru. Kini dia telah mengalami cara Allah memecahkan tembok sempadan tersebut, pemahamannya mengenai panggilannya semakin jelas. Dia menyebarkan Berita Baik kepada semua yang dia temui. Dari Azotus ke Kaisaria, dia mengajar di bandar-bandar di mana dia menonjolkan dirinya. Ia berbaloi untuk mengetahui di sini bahawa dia tidak kembali ke Yerusalem, tapi kini dia tahu dia harus pergi melaksanakan misinya dan panggilannya untuk melebarkan lagi sempadan di mana dia menyebarkan tentang Kristus. Dia berjaya melaksanakannya di Kaisaria, meneruskan penginjilan di bandar yang berbilang budaya di mana orang bukan Yahudi seperti Kornelius menjadi percaya.

Refleksi Teologi:

Kasih mengatasi sempadan. Ini satu syarat untuk semua Halangan-halangan yang kita halangan yang mustahil akan kerana kasih yang datang Penjelmaan menunjukkan bahawa Allah mengatasi antara Allah dan manusia.



adalah salah Kristian. fikirkan adalah diatasi oleh daripada Allah. kepada kita sempadan itu di Kebangkitan

menunjukkan kepada kita bahawa kematian tidak akan menghentikan kuasa kasih. Doktrin

Kristian tentang penebusan dibuktikan dengan kasih Allah datang kepada kita tanpa mengira tentang dosa-dosa kita. Paulus menegaskan bahawa ciri-ciri seperti bangsa, jantina, dan taraf sosial tidak dapat menghalang kesatuan yang kita miliki di dalam Kristus. Kasih yang diakui oleh orang Kristian melangkaui semua sempadan.

Namun kita sering melupakan mesej yang ringkas ini. Kita cepat untuk membina garis pemisah. Kita melihat kepada perbezaan yang kita lihat pada manusia sebagai halangan yang tidak terkira. Hal ini dilihat bukan sahaja halangan untuk menjamah orang lain dalam kasih, tetapi juga sebagai alasan yang kasih Allah bukan untuk semua orang. Kita mengenali kasih di dalam Kristus tetapi kita tidak tahu untuk siapa kita harus memberikan kasih itu malahan kita menganggap mereka tidak layak menerimanya! Di dalam pemikiran kita, sekurang-kurangnya kita mampu untuk menghakimi siapakah yang layak untuk dikasihi dan siapa yang tidak layak. Sekali lagi masa, dan teks Alkitab menunjukkan kepada kita bahawa kita tidak dapat mengawal ke mana tujuan Roh Kudus. Kasih Roh Kudus tidak ada sempadannya untuk menghalang ke mana Dia mahu pergi.

Di dalam teks Kisah Para Rasul, Roh Kudus menggerakkan gereja-gereja awal untuk mengatasi sempadan ke atas tanggapan awal mereka. Ia membantu mereka untuk mengatasi perbezaan-perbezaan di antara kelompok Helenistik dan Ibrani di dalam gereja. Seterusnya ia mendorong mereka untuk berkongsi kasih Allah dengan orang-orang Samaria, Ethiopia, dan orang lain yang tidak sesuai dengan gambaran yang ada pada murid-murid awal mengenai siapakah yang boleh diterima di hadapan Allah dan siapa yang tidak layak. Roh Kudus membimbing ke mana arah tuju gereja-gereja ini yang tidak sepatutnya tidak harus dicapai; mengisytiharkan kasih Allah merentasi sempadan yang gereja anggap sebagai halangan yang tetap.

Oleh itu, kita harus mengajukan pertanyaan pada diri kita sendiri juga, apakah halangan yang kita anggap tidak boleh dilangkaui? Siapakah yang berbeza, tidak tersentuh, atau tidak berhak untuk kasih menurut pendapat kita? Mungkinkah Roh Kudus yang mendorong kita untuk menjamah mereka? Mungkinkah Roh Kudus yang memanggil kita untuk membuka hati kita lebih lagi untuk mengasihi dan dikasihi? Mungkinkah kita dipanggil untuk membimbing seseorang yang beriman juga dirasakan ditolak oleh hukum agama pada masa kini? Inilah soalan-soalan yang kita mesti berterusan tanyakan kepada diri kita di dalam meresponi kasih yang kita peroleh di dalam Kristus.

Apa kata ahli Teologi:

Siapakah yang Filipus maksudkan dan ajarkan kepada sida-sida kepada permaisuri Ethiopia, yang sedang di dalam perjalanan pulang dari Yerusalem, dan membaca kitab nabi Yesaya, apabila dia dan lelaki ini meluangkan masa bersama? Adakah mungkin bukan Dia yang nabi Yesaya maksudkan: "Dia seperti domba yang diiring ke tempat penyembelihan dan seperti anak kambing jantan bisu yang dilapah kulitnya, dan dia tidak membuka mulutnya?" tetapi siapa yang sepatutnya mengisytiharkan keberadaan-Nya? Kerana hidup-Nya harus diambil daripada bumi." (Filipus yang mengisytiharkan) bahawa inilah Yesus, dan petikan teks tersebut telah digenapi di dalam Dia; sama seperti kepercayaan sida-sida itu kepada dirinya sendiri: dan dengan segera meminta untuk dibaptis, dia berkata, 'Saya percaya Yesus Kristus adalah anak Allah.' Lelaki ini juga dihantar ke seluruh Ethiopia, untuk mengajar apa yang dia telah percaya, bahawa ada Allah yang disebut oleh para nabi di dalam ajaran mereka, tapi anak (Allah) ini

telah menjadi manusia, dan diiring ke tempat penyembelihan; dan semua pernyataan yang para nabi telah lakukan berkenaan dengan Dia.

Irenaeus of Lyon, *Against Heresies*, XII:8 (lewat abad kedua, sekitar 180)